

05 JUL 1996

Mahathir-Budaya

RAKYAT PERLU KEKALKAN KEMESRAAN, KATA DR MAHATHIR

PONTIAN, 5 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat supaya mengekalkan budaya kemesraan dan kekeluargaan yang sedia terjalin selama ini walaupun dalam usaha mengejar kemajuan.

Perdana Menteri berkata rakyat harus ingat bahawa kemajuan mungkin membawa bencana jika tidak berhati-hati.

Oleh itu, sikap berhati-hati amat perlu kerana mungkin kemajuan akan menghilangkan kemesraan sesama kita dan meruntuhkan akhlak, katanya ketika melancarkan Program Gerak Mesra peringkat negeri Johor di Sekolah Menengah Parit Betak, Benut, dekat sini petang ini.

Dr Mahathir berkata masyarakat negara ini tidak seharusnya mencontohi apa yang dilakukan oleh rakyat negara maju di Barat yang kebanyakannya bersikap tidak menghormati orang tua.

"Ada kalanya macam-macam benda pelik berlaku. Ini sedikit sebanyak hasil kemajuan," kata beliau.

Perdana Menteri memberi contoh bagaimana di Malaysia masyarakat menganggap keluarga itu terdiri daripada ibu, bapa dan anak-anak sedangkan di Barat terdapat ibu dan anak-anak tinggal kononnya dalam satu keluarga tanpa mengetahui siapa bapa mereka.

Katanya budaya berbaik-baik dan bermesra antara pemimpin dan rakyat, orang tua dan muda hendaklah dikekalkan.

"Kita tidak ingin budaya yang baik ini hancur kerana kita sudah jadi kaya. Sedikit sebanyak kita sudah melihat perkara ini berlaku di negara kita apabila berlaku perpindahan ke bandar. Yang tinggal di rumah berderet-deret kadang-kadang tidak kenal jiran dan satu keluarga tidak kenal keluarga yang lain," katanya.

Dr Mahathir berkata budaya sedemikian amat berbahaya sekali bagi bangsa Malaysia.

"Sebaliknya kita hendak budaya yang ada menjadi lebih baik daripada sekarang. Kita mahu semua pihak yang terdiri daripada pelbagai suku kaum bermesra antara satu sama lain. Kalau kemesraan boleh dijalinkan, insyaallah jika kita menjadi bangsa yang maju dan kaya raya, kita tidak akan hancur," katanya.

Jika rakyat lupa akan budaya yang mulia ini, kemajuan yang dicapai tidak akan bermakna dan kehancuran moral akan berlaku seperti yang dilihat di negara-negara Barat, katanya.

Dr Mahathir yakin jika kemesraan terus dikekalkan rakyat Malaysia akan menjadi bangsa yang dihormati oleh seluruh dunia.

"Dulu kita dijajah, dipandang rendah dan hina serta dijadikan hamba oleh orang lain. Kita mahu menebus semula maruah dan untuk itu, kita bukan saja perlu mencari kemajuan dan kekayaan tetapi juga harus mengekalkan budaya dan akhlak yang mulia," katanya.

Beliau percaya dengan adanya program gerak mesra yang dilancarkan kerajaan, ia dapat mengekalkan kemesraan di kalangan rakyat.

Terdahulu, Perdana Menteri melancarkan program menaikkan taraf jalan-jalan kampung di Johor, yang dilaksanakan oleh Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ), anak syarikat kerajaan negeri.

Beliau juga telah menunggang basikal sejauh satu kilometer melalui Jalan Parit Betak. -- BERNAMA

MKO RON